

Perubahan masa yang berputar ligat dengan era teknologi moden yang dipacu media sosial dan komunikasi digital masa ini, timbul persoalan sama ada budaya pantun masih relevan atau sudah dilupakan?

Felo Perunding Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Arba'ie Sujud berkata, pantun bukan sahaja masih relevan, bahkan wajar untuk terus dimartabat sebagai wasilah peradaban bangsa dan warisan bahasa yang mencambahkan medium kesantunan serta menyuburkan nilai murni masyarakat sejagat.

Katanya, pantun warisan budaya dan lambang identiti kerana menerusi pantun, ketulenan budaya Melayu yang sarat dengan nilai, adat dan falsafah hidup di ketengahkan melalui diksi terpilih untuk



**PANTUN** ikonik 'Bahasa Berhemah Komunikasi Berhikmah' dan wahana kreativiti serta pemikiran kritis.

memancarkan nilai makna yang ingin disampaikan.

"Menerusi pembayang, akan diterapkan warisan budaya dan unsur alam yang menjadi ikonik masyarakat Melayu untuk disejajarkan dengan maksud yang ingin

disampaikan.

"Oleh itu, usaha memartabatkan pantun bermakna memelihara identiti bangsa dan memastikan generasi akan datang terus mengenali akar budaya mereka,"katanya.

Pantun juga ikonik 'Bahasa Berhemah Komunikasi Berhikmah' dan wahana kreativiti serta pemikiran kritis.

Dalam dunia moden yang sering dipenuhi bahasa ringkas dan kadang kala

## Pantun senangkan hati pendengar



**ARBA'IE**

kasar, pantun menjadi contoh komunikasi beradab yang menyenangkan hati pendengar.

Arba'ie berkata, kesantunan dalam pantun melatih penutur berfikir secara kreatif sebelum menyampaikan maksud.

"Sebagai contoh, pantun pembuka ucapan sering digunakan dalam majlis rasmi untuk memecah suasana tegang dan membina hubungan mesra antara penceramah dengan khalayak.

"Kemahiran memilih kata yang tepat, mengatur rima dan menyampaikan mesej tersirat memerlukan daya imaginasi bagi menggarap idea biasa untuk membentuk sesuatu yang luar biasa," katanya.

Justeru aktiviti berpantun wajar dilakukan dan masih relevan dalam dunia profesional dan pendidikan masa kini.

"Festival kebudayaan, pertandingan berbalas pantun dan kempen digital antara cara yang boleh dilaksanakan bagi mengekalkan kelestarian warisan ini.

"Pertandingan spontan berbalas pantun di media sosial membuktikan bahawa aktiviti ini bukan sahaja menyeronokkan, malah menguji kecekapan berfikir secara pantas.

"Ia sekali gus akan menawarkan kewibawaan menggunakan bahasa yang baik dengan isi yang tepat dan bermakna," katanya.